

Headline	Harga getah, sawit makin kukuh melonjak 45 peratus		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	307 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,203		



Harga getah, sawit makin kukuh melonjak 45 peratus

JASIN 6 Jan. - Kejayaan menembusi pasaran getah dan sawit di China tahun lalu telah melonjakkan harga pasaran kedua-duanya komoditi itu yang meningkat 40 hingga 45 peratus.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, usaha kerajaan membuka pasaran di negara berkenaan berdasarkan kuasa pembeli, sejajar dengan bilangan populasi penduduknya.

"Harga komoditi kelapa sawit negara ini juga meningkat daripada RM400 setan metrik kepada RM650 setan metrik pada hujung tahun lalu, begitu juga harga komoditi getah yang telah meningkat sebelum itu.

"Harga kedua-dua komoditi ini sebenarnya sudah kukuh dan kita mempunyai keyakinan tinggi serta positif dan dijangka berterusan pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Program Kemasyarakatan 'Jom Ke Sekolah' anjuran Tenaga Nasional Berhad

(TNB) dan Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) di Merlimau di sini semalam.

Yang turut hadir Pengurus Besar TNB negeri, Ahmad Rezahan Mohammad.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, jumlah pengeluaran kelapa sawit di negara ini berkurangan kira-kira 20 peratus daripada sasaran tahun lalu kerana dipengaruhi faktor cuaca panas serta fenomena yang melanda negara.

"Walaupun begitu, kita tetap yakin keadaan ini tidak akan berlarutan dan berharap ia akan kembali kepada sediakala, seterusnya membantu perkembangan kedua-dua komoditi itu," katanya.

AHMAD Hamzah (tengah) dan Ahmad Rezahan Mohammad bersama pelajar kurang berkemampuan yang menerima sumbangan beg sekolah dalam Program Kemasyarakatan 'Jom Ke Sekolah' di Merlimau, Melaka, kelmarin. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD RAHMAN

